

MPP fokus tiga aspek utama

SERDANG: "Tiga aspek utama membabitkan kebijakan pelajar akan menjadi keutamaan kami dan berharap kerjasama erat dapat dijalankan dengan pengurusan universiti bagi memastikan suara mahasiswa dapat didengari," kata Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (YDP MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Bukhari A Rahim (*gambar*).

Bukhari dilantik sebagai YDP MPP UPM yang baru bagi sesi 2012/2013 dalam Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan oleh Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohdi selepas memenangi Pilihan Raya Kampus (PRK)



baru-baru ini.

Menurut Bukhari, kesemua mereka yang dilantik akan terus melulukan gerak kerja bagi memastikan semua manifesto dijanjikan dalam PRK yang lalu dapat ditunaikan seterusnya membalas kepercayaan

pelajar yang mengundi mereka.

Katanya, tiga aspek utama yang sudah dikenal pasti ialah membabitkan masalah perkhidmatan bas di dalam kampus, harga serta kualiti makanan dan bagi menjadikan UPM sebagai sebuah kampus hijau dengan program membabitkan pemuliharaan alam sekitar.

"Janji diucapkan ketika kempen akan kami cuba tunaikan dengan sedaya mungkin dan berharap semua calon yang menang dapat menjalankan amanah diberi dengan cemerlang agar dapat membawa universiti ke arah kecemerlangan," katanya.